

# NIKAH SINDIKET DI MALAYSIA



INTAN NADIA GHULAM KHAN  
HASNIZAM HASHIM  
HALIZA A. SHUKOR  
NABILAH YUSOF

**NIKAH  
SINDIKET  
DI MALAYSIA**

# NIKAH SINDIKET DI MALAYSIA



INTAN NADIA GHULAM KHAN  
HASNIZAM HASHIM  
HALIZA A. SHUKOR  
NABILAH YUSOF

Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
Negeri Sembilan  
2012

**CETAKAN PERTAMA 2012**

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tidak dibenarkan mencetak ulang semula mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, CD atau cara lain sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Penerbit USIM terdahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

**PENERBIT USIM**

Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai

71800 Negeri Sembilan Darul Khusus  
Tel: 06-798 8226/6081 Faks: 06-798 6083  
*penerbit.usim.edu.my*  
*pej.penerbitan@usim.edu.my*

**Penerbit USIM adalah anggota  
MAJLIS PENERBITAN ILMIAH MALAYSIA**

Dicetak di Malaysia oleh:

**CARD INFORMATION SDN. BHD.**

49, Jalan 31/10A  
Taman Perindustrian IKS, Mukim Batu  
68100 Kuala Lumpur, Malaysia.  
Tel: 03-6177 7907 Faks: 03-6187 4008  
E-mel: *cisb49@yahoo.com.my*

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Nikah sindiket di Malaysia / Intan Nadia Ghulam Khan .. [et al.]

ISBN 978-967-0393-40-7

1. Elopement--Malaysia. 2. Marriage (Islamic law)--Malaysia.

I. Intan Nadia Ghulam Khan.

346.016

# NIKAH SINDIKET DI MALAYSIA

---

## *Kandungan*

Prakata	vii
Pendahuluan	ix
<b>BAB 1: LATAR BELAKANG NIKAH SINDIKET DI MALAYSIA</b>	
Pengenalan	12
Definisi Nikah Sindiket	12
Faktor-Faktor Nikah Sindiket di Malaysia	15
Jenis-Jenis Nikah Sindiket	24
<b>BAB 2: IMPLIKASI NIKAH SINDIKET KE ATAS ISTERI MENURUT HUKUM SYARAK DAN PERUNDANGAN ISLAM SEMASA DI MALAYSIA</b>	
Implikasi Nikah Sindiket ke atas Status Perkahwinan	30
Implikasi Nikah Sindiket ke atas Hak-hak Isteri Semasa Perkahwinan dan Selepas Perceraian	35
<b>BAB 3: IMPLIKASI NIKAH SINDIKET KE ATAS ANAK DAN PEWARISAN HARTA PUSAKA MENURUT HUKUM SYARAK DAN PERUNDANGAN ISLAM SEMASA DI MALAYSIA</b>	
Implikasi Nikah Sindiket ke atas Anak	50
Implikasi Nikah Sindiket ke atas Pewarisan Harta Pusaka	61



<b>BAB 4: IMPLIKASI NIKAH SINDIKET KE ATAS PIHAK YANG TERLIBAT DAN INSTITUSI KEKELUARGAAN MENURUT HUKUM SYARAK DAN PERUNDANGAN ISLAM SEMASA DI MALAYSIA</b>	
Implikasi ke atas Pihak-pihak yang Terlibat Mengikut AUKI 1984	68
Implikasi ke atas Institusi Kekeluargaan dan Masyarakat	70
<b>BAB 5: KESIMPULAN DAN SARANAN</b>	
Kesimpulan	74
Saranan	76
<b>PENUTUP</b>	85
<b>RUJUKAN</b>	87
<b>GLOSARI</b>	93
<b>INDEKS KES</b>	97
<b>INDEKS SUBJEK</b>	98
<b>BIODATA PENULIS</b>	99

# Prakata

Dengan nama Allah SWT yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala pujian dan syukur hanya bagi Allah SWT, Tuhan sekalian alam. Selawat dan salam buat junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga serta para sahabat Baginda sekalian.

Terlebih dahulu, kami merakamkan rasa syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurnianya serta *'inayahnya* kami berjaya menerbitkan buku yang bertajuk *Nikah Sindiket Di Malaysia*.

Setinggi-tinggi penghargaan dirakamkan kepada pihak-pihak yang telah menghulurkan kerjasama terutamanya pegawai-pegawai dari Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, Mahkamah Tinggi Syariah Putrajaya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan juga Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) yang telah banyak membantu memberikan input bermanfaat bagi menjayakan penulisan buku ini.

Nikah sindiket merupakan isu yang hangat dilaporkan di dada akhbar mutakhir ini. Kegiatan nikah sindiket ini mendatangkan pelbagai kesan negatif sama ada dari sudut perundangan dan juga hukum syarak. Menyedari hakikat ini, isu nikah sindiket perlu diberi perhatian yang sewajarnya oleh pihak yang berwajib agar fenomena ini dapat dibendung daripada terus berleluasa.

Oleh itu, buku ini cuba untuk memberi penjelasan yang bermanfaat kepada semua pihak tentang kesan nikah sindiket terhadap masyarakat secara amnya dari sudut perundangan dan juga hukum syarak.

Buku ini dibahagikan kepada tiga bab utama dimulai dengan latar belakang nikah sindiket yang mengutarakan gambaran tentang apakah yang dimaksudkan dengan nikah sindiket, faktor-faktor pendorong nikah sindiket, serta jenis-jenis nikah sindiket. Penjelasan di dalam bab ini diperkukuhkan dengan kes-kes yang sebahagian besarnya dilaporkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan.



Bagi memberikan penjelasan pandangan syarak tentang implikasi nikah sindiket ini, bab kedua menjelaskan tentang jenis nikah, hukumnya serta implikasi nikah sindiket dalam pelbagai perkara melibatkan perkahwinan secara terperinci berdasarkan dalil-dalil daripada al-Quran, hadis dan perbincangan para fuqaha. Dalil-dalil yang diutarakan ini akan dijadikan hujah dan sandaran penting dalam menentukan hukum nikah sindiket ini pada perspektif syarak. Perbincangan mengenai implikasi nikah sindiket dari sudut undang-undang turut di perjelaskan dengan merujuk kepada peruntukan-peruntukan yang berkaitan.

Buku ini di akhiri dengan mengutarakan kesimpulan dan cadangan yang dapat diperoleh hasil daripada perbincangan yang telah dibuat dalam bab-bab sebelumnya. Antara perkara penting yang dapat diutarakan dalam rumusan ini ialah langkah-langkah pencegahan dan pemantauan dari aspek perundangan, institusi berkaitan serta keluarga. Beberapa cadangan daripada penulis juga turut dimuatkan dalam bab ini.

Walaupun terdapat banyak kekurangan, buku ini Insya-Allah dilihat mampu untuk merungkai persoalan yang berkaitan dengan nikah sindiket berdasarkan pandangan syarak dan perundangan Islam semasa di Malaysia.

Akhir kata, segala kekurangan mohon dimaafi dan diperbetulkan. Semoga usaha yang kecil ini dapat memberi sedikit sumbangan ilmu dan manfaat untuk dijadikan panduan oleh semua pihak. *Amin ya Rabbal 'Alamin.*

Sekian. Wassalam

Intan Nadia Ghulam Khan  
Hasnizam Hashim  
Haliza A. Shukor  
Nabilah Yusof

28 Rejab 1432 Hijrah/ 30 Jun 2011

# *Pendahuluan*

Mutakhir ini, masyarakat Islam di Malaysia diasak dengan pelbagai masalah serius yang melibatkan institusi kekeluargaan Islam terutamanya kesahan sesuatu perkahwinan serta penentuan nasab. Salah satu masalah tersebut ialah pernikahan melalui sindiket. Pernikahan melalui sindiket ini banyak menimbulkan masalah dan implikasi negatif dalam pelbagai aspek kehidupan. Fenomena yang berlaku ini memerlukan penjelasan terperinci dari sudut hukum syarak dan perundangan semasa.

Melalui proses perkahwinan yang diiktiraf oleh undang-undang keluarga Islam di Malaysia, setiap pasangan akan ditentukan status diri melalui penghulu, ketua kampung atau majikan. Maklumat ini membantu untuk mengelakkan perkara-perkara tidak diingini daripada berlaku selepas perkahwinan yang membabitkan rukun dan syarat sah nikah. Sebagai contoh, seseorang yang telah melakukan pertukaran jantina (transeksual) tidak dapat dibuktikan status jantinya sekiranya perkahwinan tidak mengikut proses perundangan sedia ada. Sekiranya perkahwinan itu dijalankan melalui sindiket, pengesahan status diri pada kebiasaannya diabaikan dan apabila berlakunya masalah, ianya akan menyukarkan proses pembubaran perkahwinan. Justeru, undang-undang sedia ada dapat menjamin kelicinan proses pembubaran sekiranya berlaku masalah-masalah berbangkit.

Walaupun terma nikah sindiket tidak digunakan oleh para ulama terdahulu dan tidak dibincangkan secara langsung di dalam kitab-kitab fiqh klasik, namun syarat-syarat yang jelas telah pun digariskan bagi menentusahkan sesuatu perkahwinan yang dijalankan menurut hukum syarak. Syariah Islam tidak melarang perkahwinan dijalankan di mana jua dan dalam apa-apa keadaan sekalipun asalkan segala rukun dan syarat-syaratnya dipenuhi. Di atas kemudahan yang diberikan ini, ada segelintir individu di dalam masyarakat yang sengaja mengambil kesempatan untuk melakukan nikah sindiket. Atas dasar ini juga, enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri telah



memperuntukkan beberapa sekatan dalam pelaksanaan perkahwinan bagi menjamin agar tidak berlaku penyelewengan di dalam perkara ini.

Peningkatan kes nikah sindiket yang dilaporkan di Malaysia dari setahun ke setahun telah mendorong para penulis menulis tentang implikasi nikah tersebut menurut hukum syarak dan enakmen undang-undang keluarga Islam negeri-negeri dengan mengambil contoh Akta Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1984. Melalui penulisan ini, terma nikah sindiket telah dapat didefinisikan secara komprehensif, jenis dan faktor penyebab nikah sindiket dapat dikenal pasti dan cadangan ke arah pencegahan dan penyelesaian telah dapat diutarakan.

Nikah sindiket sememangnya mendatangkan pelbagai implikasi negatif sama ada dari sudut syarak mahupun perundangan semasa. Permasalahan sosial ini sekiranya tidak ditangani dengan kadar segera oleh pihak-pihak yang berkaitan akan mengundang pelbagai permasalahan di kalangan pasangan yang terlibat, keluarga, masyarakat dan negara.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.

Abdul Karim Zaidan. 2000. *Kitab Al-Mufasssal fi Ahkam Al-Mar'ah wa al-Bait al-Muslim fi al-Syariah Al-Islamiah*. Jilid 7. Beirut: Muassasah al-Risalah.

Abdul Manan Ismail, et. al. 2004. "Kahwin Lari: Fiqh dan Undang-Undang Malaysia". *Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-Undang*. Nilai: *Fakulti Syariah dan Undang-Undang*, USIM.

Abu al-Fadhl Ibn al-Manzur. 1988. *Kamus Lisan al-Arab*. Beirut: Dar Sader.

Abu Daud, Sulaiman bin Al-Ash'as. 2001. *Sunan Abi Daud*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.

Ahmad bin Ali, Ibn Hajar al-Asqalani. 1997. *Bulugh al-Maram min adillat al-Ahkam*. Dimashq: Dar al-Faiha'.

Ahmad bin Muhammad bin Hanbal. 1998. *Musnad Imam Ahmad*. Beirut: Alam Al-Kutub.

Ahmad Hidayat Buang. 2007. *Prinsip dan Pentadbiran Pusaka*. Undang-undang Islam di Malaysia Prinsip dan Amalan. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Ahmad Ibrahim, et. al. 1998. *Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf*. Al Ahkam Jilid 6. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

n.a. Al- Ahkam Jilid 6, Undang-Undang Keluarga dan Pentadbiran Harta Wakaf.



- Ali bin Ahmad, Ibnu Hazm. 2001. *Al-Muhalla*. Beirut: Dar Ihya Al-Turath Al-Arabi.
- Amir Husin Md Nor, et. al. Jurnal Syariah. (Online posting). 2006. <myais.fsktm.um.edu.my>.
- n.a. 5 November 2010. n.a. Arkib Berita Harian. www.bharian.com.my.
- Beatrix Vohrah dan Wu Min Aun. 2007. *The Commercial Law of Malaysia*. Selangor: Longman.
- n.a. 14 Jun 2010. n.a. Berita Harian. www.bharian.com.my.
- n.a. 19 April 2010. n.a. Berita Harian. www.bharian.com.my.
- n.a. 31 Mac 2010. n.a. Berita Harian. www.bharian.com.my.
- Fairus Abu Bakar. 2002. *Nikah Sindiket: Kajian Kes di Mahkamah Syariah Kangar Perlis*. Petaling Jaya: Akademi Pengajian Islam, Jabatan Syariah dan Undang-undang, Universiti Malaya.
- Amir Abd Hamid. 2011. "VIP nikah tanpa rekod". *Harian Metro*. 28 Januari. hlm. 6
- Hasnizam Hashim, et al. 2009. *Peranan Modul Bersepadu Kursus Pra Perkahwinan Islam (MBKPPI) dalam Menangani Krisis Rumah Tangga*. Nilai: Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Hjh. Noresah bt. Bharom, et. al. 2005. *Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Selangor: Dawama Sdn. Bhd. Edisi Keempat.
- Ibrahim Mustafa, et. al. 1989. *Al-Mu'jam al-Wasit*. Turki: Dar al-Dakwah.



- Ismail bin Umar, Ibnu Kathir. 1994. *Jami' al-Masanid Wa al-Sunan*. Jil. 37. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.
- Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). 31 Disember 2008. "Kursus pra perkahwinan". <http://www.jais.net.my>.
- Md. Akhir Hj. Yaakob dan Dr. Siti Zalikhah Md. Noor. *Beberapa Aspek Mengenai Enakmen Keluarga Islam di Malaysia*. Al-Rahmaniah.
- Md. Ghazali Ibrahim. 2008. RM38 Billion Pusaka Belum Dituntut. Tanjung Malim: Tijarah Network.
- Md. Hashim Yahya. 2009. "Anak Tak Sah Taraf Dari Perspektif Islam". *Undang-undang Keluarga dan Prosedur*. Selangor: Jabatan Undang-undang Islam Kulliyah Undang-undang Ahmad Ibrahim dan Pusat Undang-undang Harun M.Hashim UIAM.
- Mohd Radzuan Ibrahim. 2006. *Munakahat- Undang-undang dan Prosedur*. Ampang Selangor: DRI Publishing House.
- Mohd. Zamro Muda, et. al. 2006. "Konsep Harta dan Kepentingan Pengurusannya Menurut Perspektif Islam". (Kertas Prosiding). *Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Dalam Islam*. n.a.
- Muhammad bin Ali, al-Shawkani 1998. *Nailul Awtaar, Sharh Muntaqa al-Akhbar min Ahadith Sayyidil Akhyar*. Beirut:Darul Makrifah.
- Muhamamd bin Yazid, Ibnu Majah. 1981. *Sunan Ibnu Majah*. Jil. 5. Beirut: Dar Al-Ma`rifah.
- Muhammad al-Khatib al-Sharbini (t.t). *Mughni al-Muhtaj Ila Ma`rifati Ma`ani Alfaz al-Minhaj*. Beirut: Darul Fikr. Jilid 3.
- Muhammad bin Isa, al-Tirmizi. 2006. *Sunan Al-Tirmizi*. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyah.



Muhammad bin Ismail, al-Bukhari, 5. *Sahih Al-Bukhari*. Amman: Bait Al-Afkar Al-Dawliyah.

Muhammad Uqlah, et. al. 1998. *Nizam al-Usrah fil- Islam*. Amman: Maktabah al-Risalah.

Mustafa al-Khin, et. al. 2000. *Al-Fiqh al-Manhaji ala Mazahib al-Imam al-Shafie*. Jilid 2. Damsyik: Dar al-Qalam.

Mustafa Haji Daud. *Perkahwinan menurut Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rosman Md Shah, Lidah Yang Tergigit, [www.yadim.com.my](http://www.yadim.com.my) akses pada 20 Julai 2010.

Salehan bin Haji Yatim, et. al. 2002. Hak-hak Isteri Selepas Perceraian. Bahagian Perundangan Keluarga Jabatan Agama Islam Selangor: Selangor.

Sharifah Zahrah Syed Mohammad. 2001. Hadanah: Perlaksanaannya Menurut Akta Undand-Undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan (1984) dalam Raihanah Abdullah. 2001. Wanita dan Perundangan Islam. Kuala Lumpur. Ilmiah Publishers Sdn. Bhd.

Temu bual bersama dengan Tuan Haji Zainul Abidin bin Mat Nor, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Agama, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 12:45 tengahari, di JAWI.

Temu bual bersama Ketua Hakim Syarie Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan, YAA Dato' Mohamad bin Haji Abdullah pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 3:00 petang, di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Temu bual bersama Puan Siti Nor Jihan Saleh, Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan, Jabatan Agama Islam Wilayah



Persekutuan (JAWI) pada 10 Ogos 2010 (Selasa), jam 11:00 pagi, di JAWI.

Temu bual Melalui Telefon dengan Puan Nik Zakiah Nik Omar, Timbalan Pengarah Bahagian Kelahiran, Kematian dan Anak Angkat, Jabatan Pendaftaran Negara pada 29 Disember 2010, jam 12.15 petang.

n.a. 29 Disember 2009. n.a. Utusan Malaysia. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

n.a. 15 November 2010. n.a. Utusan Malaysia. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

n.a. 4 Mac 2003. n.a. Utusan Malaysia. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

n.a. 15 Ogos 2004. n.a. Utusan Malaysia. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

n.a. 2 April 2001. n.a. Utusan Malaysia. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

n.a. 4 Mac 2003 . n.a. Utusan Malaysia. [www.utusan.com.my](http://www.utusan.com.my).

Wahbah al-Zuhaili. 2001. *Fiqh dan Perundangan Islam*. (terj.) Ahmad Shahbari Salamon et.al. Jilid VII. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zaleha Kamaruddin. 1997. *Isu-isu Kekeluargaan dan Undang-Undang*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.

## GLOSARI

**Akad Sahih** - akad yang sempurna rukun dan syaratnya.

**Anak Tak Sah Taraf** - anak yang lahir di luar nikah dan bukan anak dari persetubuhan syubhah.

**Dukhul** - persetubuhan hakiki antara suami dan isteri / jimak.

**Hadanah** - perlindungan daripada bahaya atau penjagaan yang diberikan kepada seseorang yang tidak boleh melindungi dirinya sendiri seperti seorang kanak-kanak

**Harta Sepencarian** - harta yang diperolehi bersama oleh suami isteri semasa perkahwinan berkuat kuasa mengikut syarat-syarat yang ditentukan oleh Hukum Syarak.

**Idah** - nama bagi tempoh tertentu bagi seseorang perempuan yang menunggu semata-mata kerana mematuhi perintah Allah

**Kahwin Lari** - perkahwinan pasangan lelaki dan perempuan (biasanya suka sama suka) yang dilakukan di tempat lain tanpa disaksikan atau diestui kaum keluarga

**Kufu'** - Kesamarataan di antara pasangan suami isteri yang dapat menghilangkan rasa malu salah seorang daripada mereka. Kufu bukan sahaja dilihat pada harta benda, tahap pendidikan dan pekerjaan, malah ia boleh dilihat dari segi agama, akhlak, keturunan, ketaqwaan kepada Allah SWT dan sebagainya.

**Mahar** - harta yang wajib dibayar menurut Hukum Syara' oleh suami kepada isteri kerana akad nikah perkahwinan ataupun persetubuhan.

**Mahar Misil** - mahar yang tidak disebutkan dengan jelas jumlah dan jenisnya di dalam sesuatu akad nikah. Sekiranya ini berlaku, mahar tersebut hendaklah di*qi*askan atau di samakan dengan mahar perempuan yang setaraf dengannya di kalangan keluarganya sendiri.



**Mahar Musamma** - Mahar yang disebut dengan jelas jumlah dan jenisnya dalam sesuatu akad nikah.

**Musoharah** - Perempuan yang haram dikahwini selama-lamanya akibat perkahwinan/ persemendaan.

**Mutaah** - bayaran sugu hati yang diberi dari segi hukum syarak kepada isteri yang diceraikan.

**Nasab** - keturunan yang berasaskan pertalian darah yang sah.

**Nikah Batil** - pernikahan yang tidak memenuhi rukun nikah.

**Nikah Fasid** - pernikahan yang tidak memenuhi syarat nikah.

**Nusyuz** - derhaka

**Poligami** - perkahwinan lebih daripada seorang isteri dalam sesuatu masa.

**Tafriq** - Pemisahan atau pembubaran sesuatu perkahwinan samaada melalui talak atau selainnya. Di dalam sistem perundangan Islam di Malaysia, ianya merujuk kepada pembubaran perkahwinan yang bukan melalui talak.

**Talak Ba'in** - perceraian yang tidak boleh dirujuk kecuali dengan akad nikah yang baru.

**Talak Raj'ie** - perceraian dengan satu atau dua talak yang boleh dirujuk dalam tempoh idah.

**Wali** - wali dalam perkahwinan ialah waris bagi perempuan.

**Wali Raja atau Wali Hakim** - wali yang ditauliahkan oleh Yang di-Pertuan Agong, dalam hal Wilayah-Wilayah Persekutuan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau oleh Raja, dalam hal sesuatu



negeri lain, untuk mengahwinkan perempuan tidak mempunyai wali nasab.

**Wati' Syubhah** - persetubuhan salah-sangka / persetubuhan yang meragukan.

## INDEKS

### INDEKS KES

- Afzan Mohd Yusof lwn Ramli Shuhaimi* (No. Kes: 14200-010-0306) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 24
- Anita binti Abdullah lwn Zainuddin bin Hj. Ariffin* (1982) 4 JH 73 42
- Boto' binti Taha lwn Jaafar bin Muhammad* [1985] 2 MLJ 98 43
- Faridah Abd. Karim & Amran b. Mulis* (Kes No. 14002-010-1065-2009) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 23
- Haji Mohamed lwn Bahrunnasran & Mazliani binti Mohamed* (Kes No. 41-015-1-96) 19
- Husin lwn Saayah dan Mat Hassan* (Perlis Kes Mal 36/80) 16,18
- Khalid lwn Halimah* [1978] 1 JH (1) 69 56
- Khori binti Ahmad & Abu Samah bin Abu Halim* (Kes Mal No. 11100-010(1)-4-2003) 23
- Md. Khairul b. Jaafar dan Mazita Mohamed* (Kes No. 14005-010-0058-2008) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 13
- Mohd Yusof lwn Ramli Shuhaimi* (No. Kes: 14200-010-0306) 24
- Noor Bee lwn Ahmad Shanusi* (1978) 1 JH(1) 63 40
- Nor Hasnida Hasan lwn Mohd Amir s/o Abdul Alim Bawang* (No kes: 14700-010-0178-2007) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 17,72
- Noryuzaina binti Omar lwn Hizamri bin Hamdan* (No Kes: 14005-010-0088-2006) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 14
- Piah bt. Said lwn Che Lah bin Awang* (1983) 3 JH 220 42
- Re Wan Norsuriya* (No kes: MTSTR 41-008/33/97) 14
- Roziana Ramli lwn Muhamad Fazly bin Kamarunzaman* (No kes: 14200-010-0387-2007) di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan 20,97
- Syarifah Sapoyah lwn Wan Alwi* (1988) 6 JH 259 40
- Tengku Anum Zaharah lwn Dato Dr. Hussein* (1980) 3 JH 125 47



## INDEKS SUBJEK

- AUKI 1984 15, 16, 18, 33, 34, 36, 39, 42, 44, 47, 55, 57, 58, 67-70, 72, 75, 78
- Hadanah* 57-59, 76, 90, 93
- Idah* 21, 23, 30-32, 36-40, 52, 54, 63, 65, 71, 93, 94, 97
- Implikasi Nikah Sindiket 29, 50, 61, 67, 80
- Institusi Keluarga 71, 72, 82
- Jurunikah Bertauliah 23, 80
- Kahwin Lari 14, 16, 18, 25, 27, 87, 93
- Kufu'* 19, 93
- Mahar* 30, 31, 93, 94
- Musoharah* 30, 32, 94
- Mutaah* 44-47, 65, 71, 94
- Nafkah Anak 50, 53-56, 58, 71
- Nafkah Isteri 36, 44, 54
- Nasab 18, 30, 32, 44, 47, 48, 50-52, 56, 57, 59, 61, 64, 65, 71, 81, 82, 94, 95
- Nikah Batil 30, 94
- Nikah Fasid 30-32, 94
- Nikah Sindiket 11-19, 21, 22, 24-30, 32-35, 49, 61, 67, 68, 70-72, 74-76, 79-81, 85, 88, 90, 94
- Pendaftaran Anak 60
- Perkahwinan Bawah Umur 22
- Perkahwinan Luar Daerah 22
- Perkahwinan Warga Asing 22
- Pewarisan Harta 49, 61
- Poligami 16, 17, 20, 22, 69, 75, 80, 94
- Sahtaraf Anak 21, 51-53, 56, 57, 60, 72, 76, 89, 93
- Sijil Pernikahan 14, 25, 27
- Sindiket Nikah Palsu 14, 25, 27
- Tafriq* 30-32, 94
- Wali Enggan 16, 18
- Wali Hakim 15, 20, 23-27, 94
- Wati'* *Syubhah* 72, 95

## BIODATA PENULIS

1. Intan Nadia Ghulam Khan, merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Undang-Undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2005. Seterusnya memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang Syariah daripada UIAM pada penghujung tahun 2005. Ijazah Sarjana Undang-undang Perbandingan diperoleh pada tahun 2006 daripada universiti yang sama.
2. Hasnizam bin Hashim, merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga merupakan Pegawai Penyelaras di Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM. Beliau juga adalah merupakan Panel Syariah di Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), USIM. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ilmu Wahyu dan Warisan Islam (pengkhususan dalam bidang Usul al-Fiqh dan minor dalam bidang Sains Politik) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2000. Seterusnya, memperoleh Ijazah Sarjana Syariah daripada Universiti Malaya pada tahun 2004. Juga memperoleh Diploma Amalan Guaman (DSLIP) dan Sarjana Undang-Undang Pentadbiran Islam (LL.M) daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Pernah berkhidmat sebagai pensyarah di Pusat Asasi UIAM dan Guru Bahasa Arab di Jabatan Bahasa Al-Quran UIAM (CELPAD).
3. Haliza A. Shukor, merupakan pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Memperoleh Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian dalam bidang Undang-Undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) pada tahun 2004. Seterusnya memperoleh Ijazah Sarjana Undang-Undang Perniagaan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia pada tahun 2008.



4. Nabilah binti Yusof, merupakan Pensyarah di Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Beliau juga merupakan Pegawai Penyelaras di Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM. Memperoleh Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Syariah & Pengajian Islam Mu'tah Universiti, Jordan pada tahun 1997. Seterusnya memperoleh Ijazah Sarjana Syariah pengkhususan bidang Siyasa Syariyyah (Islamic Political Science) daripada Universiti Malaya pada tahun 2006. Pernah berkhidmat sebagai Tutor dan Guru Bahasa Arab Sambilan di Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (APIUM, 2000), Pensyarah Sambilan di Pusat Pengajian Berterusan Universiti Malaya (PPBUM, 2000), Tutor Bahasa Arab Sambilan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM, 2001) dan Guru Bahasa Arab di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM, 2000-2007).



# NIKAH SINDIKET DI MALAYSIA

Buku ini membincangkan tentang nikah sindiket menurut hukum syarak dan perundangan Islam semasa di Malaysia. Skop perbincangan dalam buku ini merangkumi definisi, faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya nikah sindiket, implikasi dan saranan ke arah penyelesaiannya. Tinjauan mengenai nikah sindiket ini amat berguna bagi pihak-pihak berwajib khasnya dan juga masyarakat umumnya dalam memberikan penjelasan tentang sindiket pernikahan dan seterusnya dapat meningkatkan kesedaran di kalangan ahli masyarakat agar berwaspada daripada terjebak dalam sindiket yang boleh menggugat kekuatan institusi keluarga dan negara. Pelbagai cadangan dan saranan yang dikemukakan dalam buku ini amat berguna bagi mencegah dan memantau aktiviti nikah sindiket di Malaysia. Semoga buku ini dapat menyedarkan masyarakat tentang bahayanya nikah sindiket dan pada masa yang sama dapat menjadi panduan kepada pihak berwajib untuk mengambil tindakan pencegahan dan pemantauan yang sewajarnya.

